

**Najib Beri Jaminan Pendidikan Cina Akan Diteruskan
Bernama
1 Mei, 2013**

GEORGE TOWN, 1 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan pendidikan Cina akan diteruskan di bawah kepimpinan beliau.

Katanya kerajaan dan beliau sendiri komited dalam memastikan setiap rakyat Malaysia mendapat kemudahan pendidikan berkualiti memandangkan pendidikan adalah perkara paling utama kepada rakyat.

Najib berkata Malaysia sebuah negara yang unik kerana merupakan satu-satunya negara di luar China, Hong Kong dan Taiwan yang mempunyai pendidikan Cina yang menyeluruh.

"Saya percaya dengan memilih haluan ini, kami menyatakan bahawa sebagai rakyat Malaysia, anda mempunyai hak untuk memilih bentuk pendidikan yang anda mahu untuk anak anda, kebebasan mencari ilmu, dan ini adalah hadiah istimewa yang diberi pemimpin kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perjumpaan bersama pelajar dan petugas Kolej Han Chiang dan SMJK (C) Heng Ee di sini Selasa.

Najib berkata semasa beliau menjadi menteri pelajaran, beliau memansuhkan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 yang membenarkan menteri menukar sekolah rendah jenis kebangsaan kepada sekolah rendah kebangsaan.

"Pendahulu saya yang tidak mahu berbuat demikian, memanglah dia aktif berkempen hari ini, sungguhpun dia mempunyai pilihan pada masa itu, dia tidak mahu melakukannya.

Apabila saya menjawat jawatan itu, saya membuat pilihan untuk memansuhkan Seksyen 21(2) yang membenarkan sekolah Cina terus wujud dan tidak boleh dipersoalkan lagi.

"Saya orang yang sama seperti dahulu dan begitu jugalah sekarang. Saya bukanlah badut politik. Saya tidak mengubah cara saya, dan sebab itulah anda boleh mengharapkan kepada pemimpin kita hari ini. Anda mungkin tidak bersetuju terhadap segala-galanya tetapi dengan kami anda boleh yakin sepenuhnya dengan berdiri teguh bersama kami," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946565>